



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
No. 7

27hb Mac 2014

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 3.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

**PERATURAN-PERATURAN PELENCONGAN AIR BAGI
PENJANAAN ELEKTRIK (SELANGOR) 2014**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

3. Kuasa Lembaga terhadap pelencongan air bagi penjanaaan elektrik

BAHAGIAN III

PELESENAN

Peraturan

4. Permohonan lesen
5. Syarat-syarat kelulusan

BAHAGIAN IV

KAWALAN PELENCONGAN AIR

6. Kawalan pelencongan air bagi penjanaan elektrik
7. Kemalangan atau kerosakan

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

8. Penggeledahan
9. Penyitaan
10. Pelucuthakan
11. Pelucuthakan jika ada pendakwaan
12. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan
13. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
14. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN VI

PENDAKWAAN

15. Pendakwaan
16. Penalti am
17. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VII

AM

18. Peruntukan peralihan

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN PELENCONGAN AIR BAGI PENJANAAN
ELEKTRIK (SELANGOR) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127 dan subseksyen 42(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelencongan Air bagi Penjanaan Elektrik (Selangor) 2014**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Baki aliran” ertinya aliran persekitaran atau aliran air minimum yang hendaklah dilepaskan ke hilir sesuatu sungai bagi tujuan memelihara keperluan aliran semulajadi regim sungai, kestabilan tebing dan keperluan ekologi akuatik sungai tersebut;

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*];

“loji jana kuasa elektrik” ertinya struktur yang dibina sama ada di tepi atau di atas sesuatu badan air dengan tujuan penjanaan elektrik;

“kawasan pelencongan air” ertinya sesuatu kawasan yang meliputi muka sauk, alur limbah, empis air, turbin, struktur dan peralatan lain yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam penjanaan elektrik;

“mukasauk” ertinya sesuatu tempat di mana air di ambil daripada sumber air sama ada ianya wujud secara semulajadi atau sebaliknya;

“pelencongan air” ertinya perbuatan mengubah aliran air, secara keseluruhan atau sebahagian, dari mana-mana sungai, sama ada melalui longkang, saluran, saluran, paip, empis air atau cara-cara lain;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan di bawah peraturan 4;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa sewajarnya oleh Pengarah;

“turbin” ertinya enjin putar yang digerakkan dengan aliran air.

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

Kuasa Lembaga terhadap pelencongan air

3. Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengenakan caj pelencongan air kepada pemegang lesen.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Permohonan lesen

4. Suatu permohonan bagi lesen di bawah subseksyen 42(3) Enakmen hendaklah dibuat kepada Pengarah di dalam borang yang ditentukan oleh Pengarah.

Syarat-syarat kelulusan

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua terma dan syarat-syarat lesen.

(2) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, lesen hanya akan dikeluarkan setelah Pengarah berpuas hati bahawa:

(a) borang permohonan yang dikemukakan adalah lengkap; dan

(b) caj bagi permohonan dan lesen pelencongan air telah dijelaskan.

(3) Pengarah boleh menentukan terma dan syarat-syarat lesen untuk dipatuhi oleh pemegang lesen sebagai tambahan kepada terma dan syarat-syarat seperti dirujuk di dalam subperaturan (2).

(4) Pengarah boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau meminda mana-mana terma dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN IV

KAWALAN PELENCONGAN AIR

Kawalan pelencongan air bagi penjanaan elektrik

6. (1) Tertakluk kepada subseksyen 43(1) dan 70(1) Enakmen, apa-apa aktiviti di kawasan pelencongan air tidak boleh dijalankan melainkan dengan kebenaran secara bertulis daripada Pengarah.

(2) Tiada seorang pun boleh menyebabkan kemasukan atau pelepasan bahan pencemar daripada kawasan pelencongan air ke dalam mana-mana sumber air melebihi had piawaian parameter yang ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Pemegang lesen hendaklah, atas kosnya sendiri, menjalankan pemantauan terhadap kualiti dan kadar alir air pada tempoh masa yang ditetapkan dan laporan dari pemantauan tersebut hendaklah dikemukakan di dalam borang yang ditetapkan oleh Pengarah.

(4) Melainkan dibenarkan sebaliknya, setiap pelencongan air yang dilesenkan hendaklah dilengkapi dengan alat sukatan yang berfungsi sepenuhnya dan disahkan sewajarnya oleh suatu badan yang diiktiraf oleh Lembaga.

(5) Pemegang lesen hendaklah memastikan kadar aliran air minimum iaitu baki aliran untuk dialirkan ke hilir sungai mengikut kuantiti yang ditetapkan.

(6) Tindakan untuk meninggalkan, menutup atau memberhentikan terus operasi muka sauk atau loji jana kuasa elektrik hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tindakan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran terhadap sumber air dan segala perbelanjaan di atas tindakan yang akan diambil ditanggung oleh pemegang lesen.

(7) Pemegang lesen hendaklah mematuhi sebarang arahan daripada Pengarah bagi tujuan subperaturan (6).

(8) Kegagalan mematuhi subperaturan (6) adalah melakukan suatu kesalahan.

(9) Pengarah bolehlah pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen, atas perbelanjaan mereka sendiri untuk mengeluarkan semua peralatan muka sauk dan loji jana kuasa elektrik dari kawasan pelencongan air atau berkenaan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

Kemalangan atau kerosakan

7. (1) Jika terjadi apa-apa kemalangan atau kerosakan pada muka sauk atau loji janakuasa elektrik yang menyebabkan gangguan kepada kualiti, kuantiti dan aliran sumber air, pemegang lesen hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam memaklumkan kepada Pengarah.

(2) Pemegang lesen di dalam subperaturan (1) hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi mengurangkan kesan gangguan tersebut ke tahap yang memuaskan Pengarah.

(3) Walauapapun subperaturan (2), Pengarah boleh melalui notis bertulis mengarahkan mana-mana orang untuk mengambil semua tindakan yang munasabah bagi membersihkan, mengawal atau mengurangkan kesan gangguan tersebut dari sumber air dan pemegang lesen tersebut hendaklah menanggung segala kos yang terlibat.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Pengeledahan

8. Jika Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah atau sedang dilakukan; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh ditemui,

dia boleh, tanpa waran, memberhenti dan memeriksa mana-mana orang atau memasuki dan menggeledah mana-mana premis menurut kuasa yang diberi di bawah seksyen 99 Enakmen.

Penyitaan

9. (1) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh menyita tanpa waran apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita apa-apa benda yang semunasabahnya di bawah subperaturan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, pemunya barangan itu atau penghidmat atau ejennya, yang berada di tempat penyitaan itu.

(3) Jika kawasan atau premis itu tidak berpenghuni, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa menyita itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di kawasan atau premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak apa-apa benda di kawasan itu atau apa-apa cara yang sesuai untuk penyitaan.

(6) Seseorang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subperaturan (5) atau memindahkan apa-apa, benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelucuthakan

10. Semua benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakan jika ada pendakwaan

11. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka pelucuthakan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; atau
- (b) apa-apa benda yang menjadi perkara subjek bagi atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

Pelucuthakan jika tiada pendakwaan

12. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(2) Seseorang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pengarah untuk menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila notis diterima bawah subperaturan (2), Pengarah boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subperaturan (3), hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemilik benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang dinyatakan di bawah perenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subperaturan (5) berkenaan dengan sesuatu benda itu, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakan benda itu, tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan

13. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita, pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain.

Kuasa mengalih dan melupus

14. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, apabila difikirkan sesuai, mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana orang untuk mengalihkan atau mengambil semula apa-apa benda berkenaan mana-mana aktiviti pelencongan air bagi penjanaan elektrik.

(2) Apabila terdapat kegagalan, keengganan atau pengabaian oleh mana-mana orang yang telah diberikan notis bertulis di bawah subperaturan (1), Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil benda tersebut, dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggungnya daripada orang tersebut.

(3) Apa-apa objek atau peralatan yang diambil oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa di bawah subperaturan (2), akan menjadi milik Lembaga, dan berhak untuk melupuskannya atau melaksanakan apa-apa tindakan yang difikirkan wajar oleh Pengarah.

BAHAGIAN VI

PENDAKWAAN

Pendakwaan

15. Suatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Penalti am

16. Seseorang yang—

- (a) melakukan sesuatu yang dilarang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) tidak melakukan sesuatu yang boleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini dikehendaki atau diarah untuk melakukan; atau
- (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini,

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pengkompaunan kesalahan

17. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Kesemua wang yang diterima di bawah peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga.

BAHAGIAN VII

AM

Peruntukan peralihan

18. Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

Bertarikh 3 Februari 2014

[LUAS Sel.1008/2/7; P.U. Sel. Am 0024/13]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

DIVERSION OF WATER FOR ELECTRICITY GENERATION
(SELANGOR) REGULATIONS 2014

ARRANGEMENT OF REGULATION

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation

PART II

POWER OF AUTHORITY

3. Power of Authority on the diversion of water for electricity generation

PART III

LICENSING

4. Application for a licence
5. Conditions of approval

PART IV

CONTROL OF DIVERSION OF WATER

6. Control of diversion of water for electricity generation
7. Accident or damage

PART V

ENFORCEMENT

Regulation

8. Search
9. Seizure
10. Forfeiture
11. Forfeiture in case of prosecution
12. Forfeiture in case of no prosecution
13. No costs or damages arising from seizure to be recoverable
14. Power to remove and dispose

PART VI

PROSECUTION

15. Prosecution
16. General penalty
17. Compounding of offences

PART VII

GENERAL

18. Transitional provisions

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

DIVERSION OF WATER FOR ELECTRICITY GENERATION (SELANGOR)
REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 127 and subsection 42(3) of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [Sel. En. No. 2/1999], the Authority with the approval of the State Authority makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation

1. These Regulations may be cited as the **Diversion of Water for Electricity Generation (Selangor) Regulations 2014**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Residual flow” means environmental flow or minimum water flow which shall be released to downstream of a river for the purpose of conserving natural flow requirement for river regime, stability of the bank and needs of aquatic ecology of such river;

“Enactment” means Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [Sel. En. No. 2/1999];

“electricity power plant” means any structure which is built whether adjacent or on a water body for the purposes of electricity generation;

“area of water diversion” means an area which covers intake point, spillway, penstock, turbine, structure and other equipment whether directly or indirectly involved in electricity generation;

“intake point” means a point at which water is taken from water source whether existed naturally or otherwise;

“diversion of water” means an act of changing water course, wholly or partially, from any river whether through ditches, drain, channels, pipes, penstock or other methods;

“licensee” means a person to whom licence is issued under regulation 4;

“authorized officer” means any other officer duly authorized by the Director;

“turbine” means rotary engine driven by water flow.

PART II

POWER OF AUTHORITY

Power of Authority on the diversion of water

3. The Authority may, with approval of the State Authority by notification in the *Gazette*, impose a charge of water diversion on a licensee.

PART III

LICENSING

Application for a licence

4. An application for a licence under subsection 42(3) of the Enactment shall be made to the Director in the prescribed form determined by the Director.

Conditions of approval

5. (1) A licensee shall comply with all the terms and conditions of licence.

(2) Subject to any other written laws, the licence will only be issued after the Director is satisfied that:

- (a) the application form is completed; and
- (b) charge for such application and licence of water diversion has been paid.

(3) The Director may determine terms and conditions of licence to be adhered by licensee in addition to the terms and conditions referred to in subparagraph (2).

(4) The Director may from time to time cancel or amend any terms and conditions of a licence issued under these Regulations.

PART IV

CONTROL OF DIVERSION OF WATER

Control of diversion of water electricity generation

6. (1) Subject to subsections 43(1) and 70(1) of the Enactment, any activities in area of water diversion shall not be carried out unless with written approval from the Director.

(2) No person may cause emission or discharge of pollutant from area of water diversion into any water source which exceeds standard limit parameter prescribed by the Director.

(3) A licensee shall, on his own cost, carry out monitoring on water quality and flow rate within prescribed period and report for such monitoring shall be submitted in the form as prescribed by the Director.

(4) Unless permitted otherwise, every licensed diversion of water shall be equipped with fully functional measuring devices and duly approved by a body which is recognized by the Authority.

(5) A licensee shall ensure minimum water flow rate that is residual flow to be channeled to downstream of the river according to the determined quantity.

(6) Any action to leave, close or cease operation of intake point or electricity power plant shall be notified to the Director within fourteen days from date of action to avoid pollution of water resources and all costs incurred on such measures taken shall be borne by the licensee.

(7) A licensee shall comply with any order from the Director for the purposes of subregulation (6).

(8) Failure to comply with subregulation (6) shall commit an offence.

(9) The Director may at any time instruct the licensee, at their own costs, to remove any equipment of intake point or electricity power plant from area of water diversion or in relation to any works that deems necessary by the Director.

Accident or damage

7. (1) In the event of any accident or damage at intake or electricity power plant which causes disturbance to quality, quantity and flow of water source, the licensee shall within twenty four hours notify the Director.

(2) The licensee under subregulation (1) shall, at his own costs, take any necessary measures to mitigate effect of such disturbance to the satisfaction of the Director.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the Director may by written notice direct any person to take all reasonable measures to clean, control, or mitigate effects of such disturbance from water source and such licensee shall bear all costs incurred.

PART V

ENFORCEMENT

Search

8. If the Director or any authorized officer is satisfied upon information received that he has reasonable cause to believe that—

- (a) an offence under these Regulations has been or is being committed;
or

- (b) any evidence or thing necessary for the investigation of the offence under these Regulations can be found,

he may, without a warrant, stop and inspect any person or enter and search any premises pursuant to the powers conferred under section 99 of the Enactment.

Seizure

9. (1) The Director or an authorized officer may, without warrant, seize any thing which he reasonably believes to have a bearing on, or can furnish evidence of, the commission of an offence under these Regulations.

(2) The Director or an authorized officer who seizes any thing under subregulation (1) shall prepare a list of all things seized and forthwith deliver a copy signed by him to the licensee, owner of such thing or to his servant or agent, present at such seized place.

(3) Where the area is unoccupied, the Director or an authorized officer who seized shall whenever possible post a list of the things seized conspicuously at the area or premises.

(4) Any thing seized under subregulation (1) shall be admissible as evidence in any proceeding under these Regulations.

(5) Where, by reason of its nature, size or amount, it is not practicable to remove any thing seized under these Regulation, the Director or any authorised officer who seizes shall by any means seal any thing in the area in which it is found.

(6) A person who without lawful authority breaks, tampers with or damage the seal referred to in paragraph (4) or removes any thing under seal or attempts to do so commits an offence.

Forfeiture

10. All things seized under these Regulations may be forfeited.

Forfeiture in case of prosecution

11. (1) If there is prosecution involving any things seized under these Regulations, the forfeiture or release of any such thing may only be made by the order before the court in which the prosecution has been instituted.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if it is proved to the satisfaction of the court that—

- (a) an offence against any of the provisions of these Regulations has been committed; or

- (b) any thing is the subject matter of or has been used in the commission of the offence,

the court shall forfeit the thing notwithstanding that no person has been convicted of such offence.

(3) All thing forfeited under these Regulations shall be delivered to the Director and shall be disposed of in accordance with the direction of the Director.

Forfeiture in case of no prosecution

12. (1) If there is no prosecution involving any thing seized under these Regulations, such thing seized shall be taken and deemed to be forfeited on the expiry of a period of one calendar month from the date of seizure unless a claim thereto is made before the expiry of such period in the manner set out in subregulation (2).

(2) A person asserting that he is the owner of any thing seized under these Regulations, and that the thing is not liable to be forfeited may, either personally or by his agent authorized in writing, give notice in writing to the Director that he claim the thing seized.

(3) On receipt of notice under subregulation (2), the Director may direct that the thing be released or that the matter be referred to a Magistrate.

(4) A Magistrate to whom reference is made under subregulation (3), shall issue a summons requiring—

- (a) the person claiming that he is the owner of the thing seized; and
(b) the person from whom the thing was seized,

to appear before him on the day fixed in the summons.

(5) On the day appointed under subregulation (4), and upon due service of the summons on each of the persons referred to in paragraphs 4(a) and 4(b) being proved, the Magistrate shall proceed to the examination of the matter, notwithstanding of the non appearance of any of such person.

(6) If, upon conclusion of the examination under subregulation (5) in relation to the thing seized, the Magistrate is satisfied that—

- (a) an offence against any provisions of these Regulations has been committed; and
(b) such thing is the subject matter of or has been used in the commission of the offence,

the Magistrate shall order the forfeiture of such thing, but if the Magistrate is not so satisfied, he shall order that the thing be released and delivered to the person who in his opinion has a right to such thing.

No costs or damages arising from seizure to be recoverable

13. No person shall, in any proceedings before any court in respect of any thing seized, in the exercise of powers conferred under these Regulations, be entitled to the costs of such proceedings or to any damages or other relief unless such seizure was made without reasonable cause.

Power to remove and dispose

14. (1) The Director or any authorised officer may, as he deems fit, issue a notice in writing requiring any person to remove or retrieve any thing in relation to such diversion of water for electric power generation.

(2) If there is failure, refusal or neglect by any person served with written notice under subregulation (1), the Director or any authorised officer may take such things and reclaim the cost or expenses incurred therefore from the said person.

(3) Any objects or equipments taken by the Director or any authorised officer under subregulation (2), shall vest in the Authority and shall be entitled to dispose or take any other action as deemed fit and proper by the Director.

PART VI**PROSECUTION****Prosecution**

15. A prosecution for an offence under these Regulations shall not be instituted except by or with the consent in writing of the Public Prosecutor.

General penalty

16. A person who—

- (a) does that which by or under these Regulations he is forbidden to do;
- (b) does not do that which by or under these Regulations he is required or directed to do; or
- (c) contravenes or fails to comply with any provision of these Regulations,

commits an offence and may upon conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment not exceeding six months or both.

Compounding of offences

17. (1) The Director or any authorized person may compound any offence committed under these Regulations.

(2) All money received under this regulation shall be paid to the Authority.

PART VII

GENERAL

Transitional provisions

18. Any notice, order, compound, licence or document issued prior to the commencement date of these Regulations shall continue to be applicable and remain in force as deemed to be issued or made under these Regulations until revoked thereunder or upon expiry of its term.

Dated 3 February 2014
[LUAS Sel.1008/2/7; P.U. Sel. Am 0024/13]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
Clerk
State Executive Council
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA